

Melaka

Negeri Maju: Perspektif Pendidikan

Melaka

Negeri Maju: Perspektif Pendidikan

**AB. RAHIM SELAMAT
KAMAROLZAMAN HJ MOHD JIDI
NUR ZAKIAH HANI KAMAROLZAMAN**



2010

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2010

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopim mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in- Publication Data

Ab.Rahim Selamat

Melaka maju: Perspektif pendidikan/ Ab.Rahim Selamat, Kamarolzaman
Hj. Mohd Jidi, Nor Zakiah Hani Kamarolzaman.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms.

ISBN 978-967-5457-38-8

1. Education-Melaka-History. 2. Education and state- Melaka.

3. Melaka- Social conditions. I. Kamarolzaman Md Jidi. II. Nor Zakiah Hani
Kamarolzaman. III Title.

370.9595118

Diterbit dan dicetak oleh:

Pejabat Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Parit Raja, Batu Pahat
Johor Darul Ta'zim
Tel : 07-453 7454/ 7452
Fax : 07-453 6145
Laman Web: www.penerbit@uthm.edu.my
E-mel : pt@uthm.edu.my

KANDUNGAN

<i>Kata Aluan Yab Ketua Menteri Melaka</i>	iv
<i>Prakata</i>	viii
<i>Penghargaan</i>	ix
1. Bab 1: Prolog	1
2. Bab 2: Warisan: Pendidikan Melaka	21
3. Bab 3: Sekarang: Pendidikan Di Malaysia Dan Melaka	45
4. Bab 4: Sekarang: Pendidikan Di Negara Maju	55
5. Bab 5: Wawasan: Cabaran Berterusan	65
6. Bab 6: Epilog	87
<i>Lampiran</i>	90
<i>Bibliografi</i>	91
<i>Indeks</i>	94



KATA ALUAN YAB KETUA MENTERI MELAKA

Segala puji kepada Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Rasulullah pemimpin dan contoh tauladan.

Allhamdullillah, sesungguhnya saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izinNya juga penulisan buku yang menyokong dan mendokong kukuh pengistiharan Melaka sebagai negeri maju dapat dijayakan.

Memang benar salah satu indikator atau petanda utama sesebuah negeri itu diterima sebagai berstatus negeri maju atau menjadi hub pendidikan bertaraf dunia, ialah indikator pendidikan. Indikator ini yang diulas dengan terperinci dalam buku ini adalah berdasarkan kepada statistik agensi antarabangsa seperti UNESCO, BANK DUNIA, UNICEF dan SEAMEO, penyelidikan, pengalaman di beberapa negara maju dan pemikiran kreatif ketiga-tiga pengarang. Penyelidikan dan pengalaman mereka di negara-negara tersebut telah dapat memberikan pandangan yang lebih objektif dan kritis tentang pengisytiharan Melaka sebagai negeri maju.

Saya sangat-sangat menyedari bahawa untuk terus menjayakan Melaka menjadi negeri maju yang mampan atau lestari, usaha yang banyak masih perlu dilakukan dan masanya masih jauh dan kosnya lebih tinggi seperti yang disarankan dalam bahagian Wawasan Negeri Maju. Cabaran ini jauh lebih getir daripada warisan dan keadaan kini pendidikan yang telah dicapai oleh Negeri Melaka.

Buku MELAKA NEGERI MAJU: PERSPEKTIF PENDIDIKAN yang menghuraikan pendidikan di Melaka dari segi Warisan, Keadaan Semasa dan Wawasannya diusahakan oleh pendidik profesional terdiri daripada anak-anak Melaka sendiri serta Jabatan Pelajaran Melaka memang disanjung tinggi. Adalah diharapkan penulisan sulung secara ilmiah dari pespektif pendidikan ini, dapat disebarikan

kepada semua institusi pendidikan di Melaka dan juga di Malaysia, sebagai khazanah ilmu pendidikan untuk dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang.

Saya sangat mengharapkan juga pendidik profesional dan rakyat Melaka khususnya dan rakyat Malaysia amnya akan terus membantu kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan kualiti pendidikan di Melaka setanding dengan di negara-negara maju di dunia. InsyaAllah.

“Bersatu Kita Terus Majukan Negeri Melaka supaya sektor pendidikan seperti sektor sejarah dapat mencapai status Warisan Dunia”

Terima kasih.Wassalam

Sekian,



**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka
Datuk Seri Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t di atas limpah kurniaNya, akhirnya buku “Melaka Maju :Perspektif Pendidikan” dapat diterbitkan dengan jayanya.

Bermula daripada pendefinisian negara maju mengikut pelbagai perspektif, warisan pendidikan Melaka, sehinggalah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh bidang pendidikan di Melaka, penerangan yang mendalam serta jelas telah kami berikan.

Di samping itu, elemen perbandingan bagi sektor pendidikan di antara negeri Melaka dengan negeri-negeri lain di Malaysia seperti negeri Selangor, Pulau Pinang dan banyak lagi turut digarap di dalam penulisan ini. Bagi memberikan perbandingan yang lebih jelas lagi, perbandingan sektor pendidikan Malaysia dengan Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Australia juga dibuat.

Sementara itu, buku ini juga telah menerangkan sejarah awal pendidikan di Melaka sehingga fenomena pendidikan di Melaka pada masa kini. Pelbagai rajah telah digunakan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai institusi-institusi pendidikan seperti sekolah-sekolah, kolej-kolej, universiti-universiti serta masjid-masjid yang terdapat di negeri Melaka.

Kami turut menerangkan mengenai fenomena sebenar pendidikan yang sedang berlaku di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Australia.

Justeru, amat besarlah harapan kami agar segala maklumat serta idea yang telah kami padatkan di dalam buku ini, dapat memberi manfaat serta penjelasan yang tepat mengenai kemajuan sektor pendidikan di negeri Melaka kepada para pembaca. Diharapkan agar segala usaha murni ini diberkati olehNya. Amin.

Penulis Buku **“Melaka Negeri Maju : Perspektif Pendidikan”**

Ab. Rahim Selamat
Kamarolzaman Hj Mohd Jidi
Nur Zakiah Hani Kamarolzaman

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penulisan buku **Melaka Negeri Maju: Pespektif Pendidikan** hanya terlaksana dengan izin Allah jua.

Seterusnya kemudahan dan bantuan lain yang membolehkan penulisan buku ini adalah daripada beberapa dokumen pendidikan yang diterbitkan oleh UNESCO-INSTITUTE FOR STATISTICS (UIS), UNICEF, BANK DUNIA, SEAMEO, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Melaka untuk aspek sejarah dan keadaan pendidikan semasa, serta dokumen lain dan individu pendidik profesional yang mempunyai pengalaman tentang pendidikan pasca Kemerdekaan di Negeri Melaka.

Terima kasih kepada kerajaan Selangor yang telah mengenalkan dan mengaplikasi kali pertama di Malaysia konsep dan indikator negeri maju untuk Selangor dalam tahun 2005. Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun di Unisel sebuah universiti kepunyaan kerajaan negeri Selangor telah juga digunakan sebagai salah satu asas konseptual dan perbandingan untuk penulisan buku ini, selain daripada analisis kriteria atau indikator antarabangsa untuk pendidikan tentang negeri maju.

Pengalaman bertugas sebagai konsultan pendidikan UNESCO, Bank Dunia dan Asian Development Bank dan beberapa tahun di Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka telah juga membantu kami untuk memahami konsep dan mengetahui data pendidikan di peringkat Malaysia, Melaka dan beberapa negara maju. Pengalaman dan penyelidikan ketiga-tiga pengarang tentang sistem pendidikan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jepun, Australia dan New Zealand dalam tahun 1978/1979, 1986, 1998 dan 2010 dijadikan maklumat asas untuk mengukuhkan rumusan tentang senario pendidikan di negara maju tersebut.

Segala latarbelakang di atas, adalah urutan daripada tinjauan yang lebih awal disempurnakan oleh Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Melaka, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan rombongan semasa melawat UNESCO di Paris satu ketika dahulu. Dengan adanya semua usaha di atas termasuk yang diusahakan

oleh buku bersejarah ini, adalah diharapkan pengisytiharan Melaka sebagai Negeri Maju dari pespektif pendidikan akan lebih menyakinkan dan berkredibiliti lagi.

Buku ini bukanlah yang mutlak kerana semuanya akan berubah. Dengan hakikat ini diharapkan ia dapat dikemaskinikan oleh generasi khususnya pendidik profesional yang akan datang agar negeri Melaka terus menjadi negeri lebih maju yang mampan atau lestari kerana pendidikan adalah satu agenda dinamik untuk semua orang dan semua masa.

Ulasan di dalam buku ini berasaskan kepada beberapa perangkaan yang terdapat di Jabatan Pelajaran Melaka dan Bahagian Dasar dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Bersama-sama dengan perangkaan ditambah dengan pandangan dan pemikiran yang mengulas perangkaan. Pandangan dan pemikiran telah mengambil kira senario lalu, semasa dan trend yang dijangka.

Sebagai buku pertama tentang tajuk dan fokus seperti ini, kandungan buku, pemikiran, ulasan dan persembahan boleh dikatakan sebagai satu inovasi. Sudah pasti usaha sulung ini mempunyai kekurangan.

Terima kasih khas kepada Saudara Zubir Mohd Nor, Pegawai Perhubungan Jabatan Pelajaran Melaka, pegawai-pegawai dari semua unit di Jabatan Pelajaran Melaka dan saudara Firhad Samuri dan Asyraf Hj. Jamil yang telah membantu kami mengumpul dan menganalisis data tentang pendidikan semasa di Melaka. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Saudara Muhammad Khairi Aziz, Pensyarah Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka kerana telah mereka grafik kulit buku ini.

Semoga usaha kecil kami ini sebagai 'hadiah intelektual' dari anak-anak jati Melaka. Ia juga diharapkan akan menjadi warisan dan dapat membantu kerajaan Negeri Melaka menjayakan wawasannya untuk mencapai status negeri maju yang lebih tinggi bukan dalam pendidikan sahaja tetapi dalam semua bidang lain termasuk ekonomi, pelancongan, kesihatan dan sebagainya. Insyallah.

'DI MELAKA SEMUANYA BERMULA'